

'ORANG2 PAS BERIKRAR UNDI DR. MAHATHIR'

ALOR SETAR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, dijangka menang dengan kelebihan undi terbesar bagi kerusi Parlimen kawasan Kubang Pasu dalam pilihanraya umum akan datang.

Jurucakap UMNO bahagian itu berkata, ramal penyokong PAS berikrar akan mengundi Datuk Seri Dr. Mahathir.

Katanya, penyokong-penyokong PAS itu menganggap Datuk Seri Dr. Mahathir seorang Perdana Menteri yang tegas dan adil.

Menurutnya, sebahagian besar penyokong kuat PAS dalam pilihanraya umum 1978 kini berpaling tadah kepada UMNO.

Katanya, UMNO bahagian itu berjaya menubuhkan 25 cawangan baru yang mempunyai 3,000 ahli di kubukub PAS dalam kawasan Kubang Pasu.

Jurucakap itu berkata, berdasarkan sokongan itu, Perdana Menteri sudah pasti akan mendapat kemenangan cemerlang dalam pilihanraya umum nanti.

UMNO Kubang Pasu mengalu-alukan siapa sahaja tokoh PAS, baik Yang Dipertua Agungnya sendiri Datuk Haji Mohamed Asri, yang ingin bertanding menentang Datuk Seri Dr. Mahathir di Kubang Pasu.

Sementara itu, Datuk Seri Dr. Mahathir telah dicalonkan oleh 95 cawangan sebagai Ketua UMNO bahagian itu dalam mesyuarat mereka baru-baru ini.

Dua puluh lapan cawangan lain yang akan mengadakan mesyuarat hingga akhir bulan ini dijangka sebulat suara mencalonkan Perdana Menteri menjadi Ketua UMNO bahagian itu.